

**SULIT**

---



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JFW462 – Pengurusan Institusi Kewangan  
dan Pasaran**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Alat pengiraan elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk tujuan pengiraan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

**SULIT**

- 2 -


**SOALAN 1 (20 markah)**

- (a). Terangkan bagaimana pelabur boleh mendapatkan keuntungan melalui aktiviti arbitraj di pasaran saham?  
(8 markah)
- (b). Perubahan harga saham di pasaran bergantung kepada tahap kecekapan pasaran sama ada cekap, separa cekap atau lemah. Huraikan **TIGA (3)** keadaan yang membentuk hipotesis pasaran cekap.  
(12 markah)

**SOALAN 2 (20 markah)**

- (a). Bagaimanakah institusi perbankan dapat mengurangkan kos transaksi pelaburan melalui dua kaedah berikut:
- (i). Skala ekonomi (5 markah)
- (ii). Kepakaran (5 markah)
- (b). Kebiasaananya, nisbah hutang kepada ekuiti yang tinggi boleh menjelaskan keyakinan pelabur terhadap kecekapan pengurusan sesebuah institusi kewangan. Terangkan bagaimana aktiviti pembiayaan luar kunci kira-kira (*off-balance sheet*) dapat membantu sesebuah institusi kewangan untuk memastikan nisbah hutang kepada ekuiti berada pada tahap yang rendah.  
(10 markah)

- 3 -

**SOALAN 3 (20 markah)**

Graf 1

Graf 1 di atas menunjukkan perubahan permintaan US Dollar (USD) berbanding kadar tukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding USD. Keseimbangan asal ialah pada titik E dengan pertukaran antara USD dan RM sebagai  $USD1 = RM3.50$ .

Terangkan perubahan permintaan dan penawaran mata wang asing apabila pengimpor Malaysia menambahkan import dari Amerika Syarikat.

**SOALAN 4 (20 markah)**

- (a). Pengurusan aset yang cekap mampu untuk mencegah krisis kewangan luar jangka. Sebagai pengurus bank, terangkan **EMPAT (4)** asas pengurusan aset sesebuah bank bagi mencegah berlakunya krisis sebegini.

(12 markah)

- (b). Sebagai pengurus kewangan yang baru dilantik di sebuah bank, jelaskan **DUA (2)** prinsip yang dapat dijadikan panduan dalam proses mencipta kredit untuk tujuan pengukuhan bank dalam ekonomi.

(8 markah)

...4/

- 4 -

**SOALAN 5 (20 markah)**

- (a). Salah satu bukti kelemahan pengurusan risiko kredit sesebuah bank ialah kerugian yang berkaitan dengan hutang lapuk. Cadangkan **TIGA (3)** kaedah yang dapat digunakan oleh bank dalam pengurusan risiko kredit.

(12 markah)

- (b). Terangkan **DUA (2)** analisis pengurusan risiko kadar faedah yang mampu memberi kesan ke atas keuntungan dan kecekapan bank perdagangan.

(8 markah)

- oooOooo -